

20/01/2004

KL sedia latih pegawai Laos

Mustapa Omar

VIENTIANE (Laos): Malaysia semalam memberi jaminan akan meningkatkan hubungan dan kerjasama dua hala dengan Laos dalam semua bidang, khususnya pelaburan bagi membantu mempercepatkan pembangunan negara berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Kuala Lumpur dan Vientiane juga bersetuju hubungan kedua-dua negara kini dalam keadaan baik tanpa sebarang faktor penghalang atau keadaan yang boleh menimbulkan rasa tidak puas hati.

"Kerajaan Laos turut menyatakan kesediaan menerima lebih banyak pelabur Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pembangunan negara itu, termasuk bidang infrastruktur," katanya pada sidang akhbar, di akhir lawatan seharinya di sini semalam.

Beliau berkata, perkara itu dinyatakan oleh rakan sejawatnya, Bounnhang Vorachith, dalam pertemuan sempena lawatan berkenaan.

Katanya, Malaysia juga berjanji meningkatkan bantuan teknikal dan latihan kepada rakyat Laos melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) yang memberi peluang kepada pegawai Laos mengikuti latihan dalam pelbagai bidang.

Selain itu, Perdana Menteri berkata lebih ramai pelajar dari negara berkenaan akan diberi peluang melanjutkan pelajaran dalam pelbagai kursus di universiti dan pusat pengajian tinggi di Malaysia.

Abdullah tiba di sini pagi semalam dalam siri kelima lawatan kunjungan hormatnya ke ibu negara Asean selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Wattay disambut Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Luar Laos, Somsavat Lengsavad serta Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Lawatan itu adalah yang pertama oleh seorang ketua kerajaan Malaysia sejak negara lima juta penduduk itu menyertai Asean pada Julai 1997. Dr Mahathir melawat negara itu pada 1994, manakala Vorachith mengadakan kunjungan rasmi ke Kuala Lumpur pada 2001, selain menghadiri Persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) pada awal tahun lalu.

Sejurus ketibaannya, Abdullah diberikan sambutan rasmi di Dewan Perwakilan sebelum mengadakan perbincangan dengan Vorachith di pejabat Perdana Menteri dan kunjung hormat Presiden Khamtay Siphandone di Istana Presiden.

Perdana Menteri kemudian diraikan oleh Vorachith dalam majlis jamuan tengah hari di Lao Plaza Hotel, diikuti pertemuan dengan rakyat Malaysia yang bekerja di Laos.

Dalam pertemuan itu, beliau menyatakan rasa puas hati terhadap sumbangan mereka sehingga menjadikan Malaysia sebagai pelabur keempat terbesar di Laos selepas Thailand, Amerika Syarikat dan Korea Selatan.

Perdana Menteri turut menyaksikan majlis memeterai perjanjian antara Bank Exim Malaysia dengan Sun Holdings Co. Ltd, membabitkan pinjaman AS\$14 juta (RM53.2 juta) bagi membiayai pembinaan projek Kompleks Pelancongan dan Hotel Don Chan Palace yang dimajukan syarikat berkenaan.

Bank Exim diwakili Pengerusinya, Tan Sri Othman Mohd Rijal dan Pengarahnya Datuk Mohd Hussin Abdul Hamid, manakala Sun Holdings, sebuah syarikat milik penuh rakyat Malaysia, diwakili Pengarah Urusannya, Cheok Tiam Cheng.

Kompleks berkenaan yang dibina berhampiran Sungai Mekong di sini meliputi sebuah hotel bertaraf lima bintang dengan 420 bilik dan kompleks

beli belah. Hotel dijangka siap September depan sempena Sidang Kemuncak Asean pada November.